

# COMMANDER'S CALL

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4230-commander-s-call](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4230-commander-s-call)

TANJUNG BUNGAH, 6 Dis 18 - Pegawai Memerintah Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP), Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM telah mengadakan "Commander's Call" bagi mengeratkan lagi ukhuwah di kalangan warga INSKEP. Majlis separa rasmi ini dilaksanakan sebagai wadah bagi seluruh warga INSKEP berinteraksi secara terbuka dan telus membincangkan segala isu berkaitan hal-hal semasa INSKEP sejurus selepas Mesyuarat Keselamatan Penggal Ke-4 dan Mesyuarat Pegawai Memerintah INSKEP berlangsung.

Melalui corak pentadbiran Pegawai Memerintah INSKEP, seluruh warga INSKEP dibenarkan untuk memajukan surat layang atau surat luahan hati sebulan sekali kepada beliau sejak 6 bulan yang lalu. Melalui warkah tanpa nama ini, warga INSKEP tanpa segan silu dan dengan lebih terbuka dapat menyatakan segala yang terpendam kepada Pegawai Memerintah INSKEP. Pegawai Memerintah akan mengendalikan setiap surat dengan penuh profesional dan dengan ikhlas memberikan maklumbalas terhadap setiap isu yang dibangkitkan. Perkara ini telah membawa arus perubahan yang amat positif di mana warga INSKEP kelihatan lebih komited, bersemangat dan banyak isu telah dapat diselesaikan dengan penuh santun dan profesional.

Sementara itu, Pegawai Memerintah turut menyajikan sajian istimewa dalam majlis kesyukuran sempena kenaikan pangkat beliau, F/Sjn Shahrizal dan LUK Aiman kepada seluruh warga INSKEP.



